



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

PELANCARAN SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT KEBANGSAAN (OSH WEEK) 2016

Kota Kinabalu, 9 Ogos – Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan (OSH Week) 2016 yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia dengan tema “*SoHELP-Memperkasa Higien Industri*”.

Dalam majlis berkenaan, beliau memaklumkan terdapat peningkatan terhadap pelaporan penyakit dan keracunan berkaitan pekerjaan dari tahun 2006 hingga 2015. Pada tahun 2015 sahaja terdapat 4,034 kes disiasat oleh JKKP melibatkan 3 penyakit tertinggi iaitu Penyakit Pekak disebabkan Kebisingan Pekerjaan (3,377 kes), Penyakit Paru-paru Pekerjaan (147 kes) dan Masalah Tulang-Otot Pekerjaan (91 kes). Situasi ini amatlah membimbangkan dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengadakan inisiatif baru iaitu *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme* atau *SOHELP*. Program SoHELP ini telah dijalankan di 220 tempat kerja di seluruh Negara bagi membantu pihak Majikan dan Pekerja mencegah atau mengurangkan risiko penyakit dan keracunan berkaitan pekerjaan.

Dalam perkembangan yang lain, beliau memaklumkan bahawa kadar kemalangan negara bagi di tempat kerja pada tahun 2015 adalah 2.81 per 1,000 pekerja berbanding 3.10 per 1,000 pekerja pada tahun 2014, penurunan sebanyak 9.35 peratus. Menurut beliau, pada tahun 2015, JKKP telah menjalankan sebanyak 258,800 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22,190 notis dikeluarkan, 913 kesalahan dikenakan kompaun dan sebanyak 353 kes dikenakan pendakwaan mahkamah.

Menurutnya lagi, kombinasi antara majikan yang prihatin, pekerja yang produktif, sistem pengurusan KKP yang efektif serta keadaan persekitaran yang kondusif adalah pemangkin kepada peningkatan daya saing industri dan negara secara keseluruhannya. Beliau menyeru supaya pihak pekerja dan industri berganding bahu merealisasikan matlamat Pelan Induk KKP 2016-2020 untuk membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tamat.

Tarikh siaran : 9 Ogos 2016

Dikeluarkan oleh Sekretariat MNKPP

Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kementerian Sumber Manusia
d/a Aras 5, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya
Tel : 03 8886 5004 / 5264 Fax : 03 8889 2354